

JABATAN  
PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
TINGKAT 9-14  
BANGUNAN UMBC.,  
JALAN SULAIMAN,  
KUALA LUMPUR.

20hb. September, 1974

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.14 TAHUN 1974**

**Pembayaran Bonus Bagi Pekerja-Pekerja  
Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telahpun memutuskan supaya Bonus sebanyak sebulan gaji setahun dibayar kepada pekerja-pekerja Kerajaan. Segala butir-butir mengenai pembayaran Bonus ini adalah diterangkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 29 Tahun 1974](#).

2. Keputusan Kerajaan ini juga melibatkan pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Oleh yang demikian, pihak-pihak berkuasa Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan adalah diminta untuk melaksanakan keputusan Kerajaan yang dijelaskan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 29 Tahun 1974](#) dengan diadakan penyesuaian di mana perlu.

3. Bersama-sama dengan Surat Pekeliling ini adalah dikepilkan salinan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 29 Tahun 1974](#) untuk kegunaan pihak-pihak berkuasa Badan-badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan.

Saya yang menurut perintah,

(S. VELOO)  
Bahagian Gaji,  
b.p. Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Semua ketua Setiusaha Kementerian.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Akauntan Negara,

Malaysia,

Kuala Lumpur.

s.k. Semua Badan-badan berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan